

ISU KEGANASAN TERHADAP WANITA

Petikan ucapan Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di PERHIMPUNAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2007

SUNGGUHPUN pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi memerangi keganasan terhadap wanita, fenomena ini masih berterusan. Kes-kes seperti rogol, sumbang mahram, mencabul kehormatan dan keganasan rumah tangga adalah di tahap membimbangkan.

Perangkaan menunjukkan *trend* yang meningkat. Kes rogol dilaporkan meningkat daripada 1,217 kes pada tahun 2000 kepada 2,341 kes pada 2006. Purata dalam sehari kejadian rogol meningkat daripada 3.3 kes pada tahun 2000 kepada 6.6 kes pada 2006. Kes sumbang mahram juga meningkat daripada 213 kes pada tahun 2000 kepada 332 kes pada 2006.

Lebih menyedihkan ialah mangsa kebanyakannya berumur di bawah 15 tahun. Lagi menyedihkan ialah dalam kes-kes sumbang mahram di mana orang terdekat dan dikenali seperti bapa kandung, bapa tiri, bapa saudara dan abang/adik ipar merupakan pemangsa utama yang sepatutnya melindungi, menyayangi dan mengasihi mangsa.

Yang lebih menyedihkan ialah mangsa kebanyakannya berumur di bawah 15 tahun. Lagi menyedihkan ialah dalam kes-kes sumbang mahram di mana orang terdekat dan dikenali seperti bapa kandung, bapa tiri, bapa saudara dan abang/adik ipar merupakan pemangsa utama yang sepatutnya melindungi, menyayangi dan mengasihi mangsa. Perbuatan ini tidak boleh sekali-kali

dimaafkan dan Kementerian tidak akan bertolak ansur dan bertoleransi. Pemangsa hendaklah dihukum dengan setimpalnya.

Walaupun Negara kita telah menggubal dan melaksanakan Akta Keganasan Rumah Tangga sejak 1994, kes-kes keganasan rumah tangga masih membimbangkan. Sepanjang 2006 sebanyak 3,264 kes telah dilaporkan. Malangnya, kes keganasan rumah tangga sering dianggap sebagai masalah peribadi. Akibatnya mangsa mengalami penderaan secara berterusan tanpa mendapat perhatian masyarakat.



Antara tokoh-tokoh yang hadir di Perhimpunan Hari Wanita Antarabangsa

Laporan cuma dibuat oleh mangsa sebagai jalan terakhir kerana sering diugut dan berada dalam ketakutan. Kebanyakan mangsa menghadapi gangguan mental, emosi, menghadapi masalah fizikal dan kesihatan serta mengalami *post trauma disorder*. Bagi membantu mangsa-mangsa keganasan, Kementerian telah menubuhkan satu kumpulan sukarelawan yang dikenali sebagai Organisasi Wanita Membenters Keganasan (OMBAK atau WAVE).

Memerangi Keganasan Bukan Semata-mata Isu Wanita

Sukarelawan ini, antara lain memberi pertolongan awal kepada mangsa dan menyalur kes-kes keganasan kepada agensi berkaitan. Kementerian merayu agar lebih ramai para sukarelawan menyertai aktiviti seperti ini. Memerangi keganasan bukan semata-mata isu wanita, malah ia merupakan isu Negara yang perlu ditangani oleh semua pihak termasuk NGO dan sektor swasta. Sehubungan itu, saya mengucapkan syabas kepada NGO yang telah banyak menyumbang ke arah ini.

Penyeludupan wanita dan kanak-kanak

Satu lagi fenomena yang nampaknya semakin menular ialah penyeludupan wanita dan kanak-kanak atau *trafficking in women and children*. Walaupun tiada perangkaan rasmi mengenai kes penyeludupan wanita dan kanak-kanak, terdapat beberapa kes yang dilaporkan di akhbar-akhbar menunjukkan wujudnya insiden penyeludupan wanita sama ada ke dalam Negara maupun ke Luar Negara.

Isu ini tidak harus dipandang ringan. Kementerian telah pun mengenal pasti tempat-tempat untuk dijadikan rumah perlindungan sementara bagi mangsa. Di samping itu, latihan untuk pegawai-pegawai penguatkuasa mengenal pasti mangsa telahpun diadakan dan akan terus dianjurkan dari masa ke semasa. Latihan kepada pekerja sosial juga akan diberikan.

Kita semua mestilah berusaha menentang apa juga bentuk keganasan. Carilah punca masalah dari akar umbinya. Kita mesti menghapuskan keganasan ke atas wanita agar hak dan keselamatan mereka dilindungi. Hukuman undang-undang setimpal mestilah dibuat kepada mereka yang bersalah melakukan keganasan terhadap wanita. Saya ingin menggesa pihak berkuasa termasuk para hakim, pegawai imigresen, pegawai polis, pekerja kesihatan dan sosial mengambil perhatian khusus dan lebih sensitif terhadap implikasi mangsa keganasan. Perlu adakan pelajaran dan latihan untuk menangani masalah ini.

Paling penting, menentang keganasan rumah tangga perlu cabaran kerana peranan gender dan kuasa terletak di tangan lelaki. Di kebanyakan Negara, wanita dianggap sebagai warga kelas dua, dianggap lemah dan takut serta mudah diperlakukan apa sahaja. Malah menganggap lelaki lebih kuat

dan berkuasa hingga wanita tidak punya hak walau terhadap diri mereka sendiri dan tidak boleh bersuara untuk membuat keputusan.

Perlu perubahan

Pembahagian kuasa yang tidak seimbang ini perlu diubah secara drastik. Tapi inilah yang paling susah kerana untuk mengubah sikap dan pandangan masyarakat terhadap wanita akan mengambil masa yang lama. Namun meningkatkan kesedaran dengan memberi ilmu kepada lelaki dan kanak-kanak lelaki tentang perlunya wanita sebagai pasangan yang bernilai kepada mereka boleh mengurangkan keganasan terhadap mereka. Sama pentingnya dengan mengambil langkah undang-undang untuk melindungi hak kemanusiaan wanita.

Dengan cara ini dapat membantu mengubah corak budaya dan sosial tanggapan lelaki dan wanita. Pengertian gender dan seksualiti serta keseimbangan kuasa antara lelaki dan wanita di semua peringkat masyarakat perlu juga dikaji semula. Suara wanita perlu didengar. Begitu juga pandangan, pendapat dan keinginan mereka perlu diambil kira.

Peranan Lelaki

Saya yakin peranan kaum lelaki begitu penting dalam usaha memerangi keganasan terhadap wanita, terutama dalam usaha meningkatkan kesedaran kaum lelaki bahawa wanita sepatutnya dilindungi, bukan diganasi dan dikasari atau dijadikan sasaran untuk melepaskan hawa nafsu, marah dan rasa kecewa.

Saya menghargai kaum lelaki yang telah memainkan peranan dalam usaha ini. Kita harus jadikan mereka sebagai *role model* atau *champion* kepada usaha memerangi isu keganasan terhadap wanita. Saya yakin penglibatan mereka dalam program-program advokasi dan juga intervensi akan meningkatkan keberkesanan program-program yang dijalankan.


Keganasan terhadap wanita adalah merupakan penghalang kepada pembangunan Negara dan pencapaian kesaksamaan gender. Ia menyekat wanita daripada menikmati hak dan kebebasan.

Tahun ini merupakan perayaan 50 tahun kemerdekaan. Dalam hubungan ini kita perlu bertanya kepada diri kita siapakah wanita yang merdeka? Saya ingin melihat wanita yang mempunyai visi, yang menyumbang kepada dunia global, yang mengawal kewangannya sendiri, berpelajaran, berpengetahuan dan boleh membuat pilihannya sendiri dan membentuk hala tujuannya sendiri.

Wanita mesti tidak takut berdiri teguh dengan apa yang dipercayainya, berasa selesa dengan dirinya, bangga dilahirkan sebagai wanita dan gembira memikul pelbagai peranan. Wanita mesti menjadi rakan kongsi dan pasangan yang bermakna kepada lelaki. Dia mesti dilayan baik dan dihormati serta hidup dalam persekitaran yang selamat dan dilindungi.

Wanita sepatutnya tidak membiarkan dirinya dimangsa dan dilakukan sebagai orang yang pasif. Sebaliknya dia patut mempamerkan dirinya sebagai orang yang berkuasa, kuat dan mempunyai potensi tanpa batasan. Harapan ini bukan tidak boleh dicapai. Sejak merdeka, wanita Malaysia telah memberi sumbangan tanpa mengenal penat dan jemu ke arah pembinaan bangsa.

Mereka terus memberi sumbangan kepada Negara dalam pelbagai aspek. Mereka kini boleh dilihat di mana-mana. Mereka berhak tinggal di rumah yang selamat, keluarga yang selamat, di jalan-jalan yang selamat, di Bandar-bandar yang selamat dan suasana yang bebas dari sebarang keganasan. Bangsa yang benar-benar merdeka ialah bangsa yang keganasan sifar. Malaysia patut menjadi salah satu Negara yang menjuarai keadaan ini.



Forum 'Membenters Keganasan Terhadap Wanita Melalui CEDAW' dijalankan